

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
YANG DI-PERTUA PARTI PERIKATAN DI
PEMBUKAAN SEMINAR PERIKATAN YANG
PERTAMA BAGI WAKIL-WAKIL RAKYAT DAN
SENATOR-SENATOR DI DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 17HB
FEBRUARI, 1971

Saya merasa amat sukacita kerana mendapat peluang pada hari dan saat yang berbahagia ini untuk berjumpa dengan saudara-saudara sekalian, Wakil-wakil Rakyat di Dewan Rakyat, di Dewan Senate, di Dewan-dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Majlis Kebangsaan Perikatan, dan ahli-ahli Perikatan sekalian.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada saudara-saudara sekalian yang telah datang dari jauh dan dekat untuk menghadiri Seminar yang akan mengkaji soal-soal berkaitan dengan perjalanan Parti dan Kerajaan, serta merangka garis-garis perjuangan masa depan parti kita, disamping memahami perhubungan Kerajaan dengan Parti.

Seminar ini, saya rasa, mempunyai dua tujuan utama, iaitu, untuk membolehkan saudara-saudara sekalian sebagai wakil-wakil rakyat mengetahui dan memahami terlebih dahulu bukan sahaja dasar-dasar Kerajaan tetapi juga semangat dan matlamat-matlamat dasar-dasar sebelum saudara-saudara sekalian dapat menjalankan tugas-tugas masing-masing dengan efektif dan lebih sempurna.

Kedua, Seminar ini akan membolehkan saudara-saudara bukan sahaja bertukar-tukar fikiran dengan ahli-ahli Kerajaan dan juga sesama sendiri supaya ujud satu persefahaman dan sepengertian dalam hal-hal yang menyentuh kepentingan rakyat dan negara, bahkan perjumpaan-perjumpaan seperti ini akan dapat melicinkan lagi jentera parti serta mengukuhkan lagi ko-ordinasi Kerajaan dengan parti.

Seminar ini bukan saja merupakan satu lagi kemajuan penting dari segi sejarah perkembangan parti politik kita bahkan juga menjadi curtainraiser bagi pemulihan sistem demokrasi berparlimen

yang telah kita anuti sejak kita mencapai kemerdekaan, tetapi terpaksa digantung berikutan dengan kejadian 13 Mei, 1969. Pemulihan semua sistem ini adalah dengan sendirinya menjadi bukti di atas kejujuran dan kesanggupan kita menjunjung tinggi pemerintahan cara demokrasi berparlimen dan ketegasan kita mengamalkannya.

Pembukaan resmi Seminar ini adalah merupakan tugas rasmi saya yang pertama sebagai Yang Di Pertua Baru Perikatan, sejak saya mengambil alih jawatan ini dari Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj kira-kira dua bulan dahulu. Peralihan pimpinan ini bermakna tamatlah sudah satu babak dalam perjalanan sejarah Parti kita, dan bermulalah pula satu babak baru, satu phase baru, di dalam sejarah politik negara kita.

Walaupun demikian, kita tidaklah boleh melupakan kemajuan-kemajuan dan perkembangan-perkembangan yang telah kita capai di dalam segala lapangan, terutama sekali, politik, sosial, ekonomi, dan perhubungan antara bangsa, di bawah pimpinan Y.T.M. Tunku. Sebaliknya, kita semua adalah bernasib baik kerana telah mendapat pimpinan dan bimbingan yang bijaksana dari Y.T.M. Tunku sejak beliau mula dipilih memimpin Parti Perikatan kira-kira dua puluh tahun dahulu.

Kita juga tidak boleh menafikan bahawa di bawah pimpinan Y.T.M. Tunkulah, Perikatan telah dibentuk dan disusun menjadi sebuah parti politik yang terkuat sekali di negara ini. Di bawah arahan dan pimpinan beliaulah ahli-ahli Perikatan telah bertungkus lumus, berjuang untuk mencapai kemerdekaan bagi mewujudkan Malaya, dan selepas itu Malaysia. Y.T.M. Tunku ialah Bapa Merdeka dan Bapa Malaysia kita.

Jasa-jasa Tunku bukan sahaja kepada parti bahkan kepada negara, bangsa dan negara kita akan termeteri untuk menjadi kenangan untuk selama-lamanya. Marilah kita semua, disamping menghargai jasa-jasa Y.T.M. Tunku, turut berdoa ke hadrat Tuhan semoga beliau dipanjangkan umur supaya dapat beliau memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada kita semua pada masa yang akan datang.

Saudara-saudara: Tahun ini kita memasuki babak baru dalam perkembangan politik tanah air dengan kembalinya negara ke dalam bidang demokrasi berparlimen dalam masa dua tiga hari

lagi. Dengan ini juga berakhir sudah pemerintahan melalui Majlis Gerakan Negara di mana kuasa mutlak adalah terletak dalam tangan saya seorang sahaja. Kita berharap babak baru ini juga akan mewujudkan satu konsep dan amalan demokrasi yang sesuai dengan keadaan negara kita sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa dan sedang membangun.

Sebagaimana pernah saya perkatakan dahulu, tahun-tahun tujuh puluhan dan tahun-tahun akan datang ini akan membawa masalah-masalah baru dan dugaan penting kepada negara kita. Oleh demikian, sudah sewajarnya Parti kita Perikatan, memperkemaskan diri dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran masa depan itu. Sayugia kita ingat masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang berbagai rupa dan kompleks itu menghendaki pemikiran yang baru yang segar supaya kita dapat menghadapi dan menghuraikannya untuk munafaat dan kebaikan rakyat umum. Oleh itu kita harus sentiasa bersedia mengambil approach yang sesuai serta sikap yang tegas di dalam perjalanan Parti kita demi kepentingan kemajuan-kemajuan bagi setiap masa.

Peranan-peranan baru ini memerlukan kita mempunyai pandangan yang luas dan outlook yang baru asal saja tidak menyeweweng dari landasan Parti. Peranan-peranan baru dan outlook yang baru ini mestilah diikuti dengan kesanggupan menukar corak Parti serta memperkemaskan perjalanannya, sesuai dengan kehendak-kehendak sesuatu masa atau sesuatu perubahan.

Sepertimana saya katakan dahulu di Perhimpunan Agung UMNO, pada 23hb Januari, 1970, saya suka mengulangi lagi iaitu punca kekuatan dan keteguhan Kerajaan kita adalah terletak pada Parti kita. Sokongan pemimpin-pemimpin parti dari segala lapisan kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan adalah menjadi syarat utama bagi kejayaan Kerajaan-kerajaan yang berlandaskan parti politik, Kerajaan-kerajaan yang tidak mendapat sokongan seperti ini tidak dapat memerintah dengan licin, teratur dan jaya. Oleh demikian, terserahlah kepada saudara-saudara sekalian serta semua ahli-ahli parti bagi menentukan supaya Kerajaan kita, iaitu Kerajaan Perikatan terus berjaya, dengan memberi sokongan-sokongan yang tidak berbelah bagi.

Sokongan-sokongan ini, terutama sekali dari rakyat jelata, adalah juga penting bagi membolehkan Kerajaan memahami

kehendak-kehendak rakyat jelata dan yang pentingnya untuk membolehkan kita berdamping rapat dengan rakyat bukan sahaja untuk menerangkan dasar-dasar Kerajaan di samping mendapatkan sokongan-sokongan dari mereka, tetapi juga untuk menerangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasarnya. Cara ini bukan sahaja akan mewujudkan two-way flow communication di antara mereka-mereka yang diperintah dan pemerintah, di samping merapatkan lagi pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokongnya, bahkan juga merapatkan lagi perhubungan di antara pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokongnya.

Perhubungan yang rapat di antara penyokong-penyokong dan pemimpin-pemimpin Parti akan membolehkan kita bukan sahaja melicinkan jentera Parti tetapi juga memperkuatkan dan memperteguhkan lagi kedudukan parti kita.

Sepertimana pernah saya katakan dahulu hanya Perikatan sahajalah yang mempunyai kemampuan dan kebolehan menadbirkan negara kita, kalau kita inginkan keamanan dan kema'amuran seperti yang ada sekarang. Parti kita, sebagai parti Pemerintah dan parti yang terbesar sekali, mestilah mengambil inisiatif dalam semua bidang pembangunan, terutama sekali di dalam usaha membentuk negara dan bangsa Malaysia yang benar-benar bersatu padu, selain dari mengutamakan usaha-usaha yang bersangkutan dengan kebajikan dan kepentingan rakyat jelata.

Untuk menunaikan tanggungjawab kita itu, adalah mustahak sekali Perikatan mempunyai disiplin yang teguh di kalangan ahli-ahlinya di semua peringkat. Disiplin yang teguh akan dapat menjadikan parti kita kepada sebuah parti yang kuat, yang tersusun baik dan lancar di dalam pentadbirannya. Dan yang penting sekali bagi kejayaan ini ialah ahli-ahlinya mestilah patuh kepada disiplin parti.

Di samping itu, saya juga ingin melihat pentadbiran Parti Perikatan, terutama sekali di peringkat Negeri dan Bahagian berjalan dengan lebih licin dan kemas, kerana mulai dari sekarang saya berkehendakkan jentera parti kita berjalan terus-menerus. Bersabit dengan ini saya suka menegaskan di sini bahawa saudara-saudara sekalian mestilah mempunyai semangat untuk berkhidmat kepada rakyat dan kepentingan-kepentingan persendirian mestilah

diketepikan dan menumpukan tenaga kepada kepentingan-kepentingan parti dan negara.

Saya inginkan saudara-saudara sekalian mempunyai nafas baru, semangat baru, dan saya mahu saudara-saudara daripada menjadi pejuang-pejuang kemerdekaan kepada pejuang-pejuang pembangunan dan perpaduan.

Saya yakin selagi saudara-saudara dan seluruh ahli-ahli Perikatan tetap patuh kepada dasar perjuangan Parti dan mempunyai tekad serta keazaman meneruskan perjuangan kita, negara akan tetap dalam keadaan terkawal dan sentiasa mara ke hadapan mencapai kejayaan-kejayaan baru.

Negara kita telah masuk ke tahun yang ke empat belas semenjak kita mencapai kemerdekaan. Masalah-masalah yang kita hadapi pada masa akan datang adalah berlainan daripada masalah-masalah sebelum timbulnya peristiwa 13hb Mei. Seperti kata Y.T.M. Tunku, dengan tertubuhnya Kerajaan baru ini, negara kita akan memulakan satu babak baru. Tiga belas tahun semenjak merdeka kita telah membuat berbagai-bagai perediaan dan rancangan kemajuan. Jika diibaratkan sebagai sebuah rumah kita telah mendirikan rangka, tiang, atap dan lantai. Sekarang kita mestilah mengadakan dinding dan perkakas yang lain supaya rumah itu dapat menurut bentuk dan rupa yang kita sebenar-sebenarnya kehendakki. Ini bermakna, sebagai satu bangsa, kita mesti adakan keperibadian sendiri atau identity.

Soal yang penting di sini ialah samada masyarakat kita yang berbilang bangsa ini boleh dan sanggup terus hidup dan bekerja bersama-sama untuk menyiapkan rumah yang diibaratkan itu demi kepentingan negara dan perpaduan bangsa.

Saya yakin dan berharap kebanyakan daripada penduduk-penduduk negara ini mempunyai kesetiaan yang tidak berbelah bagi terhadap negara ini dan mereka juga sedar yang mereka mestilah hidup bersama-sama dalam suasana harmoni, berbaik sangka dan bersatu padu kerana dengan cara ini sahajalah kita dapat menghadapi masa depan kita dengan penuh harapan dan keyakinan. Saya harap mereka akan dapat mengatur cara hidup mereka dengan berpandukan kepada Rukunegara yang telah diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung pada tahun lepas yang pada akhirnya akan

dapat menimbulkan keperibadian kita sendiri. Hanya dengan berpandukan kepada Rukun-rukun ini dan Perlembagaan kita barulah boleh kita membentuk satu bangsa Malaysia yang sebenar-sebenar kuat, maju, bersatu padu dan mempunyai keperibadian sendiri.

Saudara-saudara: Sejak negara kita merdeka, kita telah menghadapi cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang boleh mengancam negara. Kita telah menghadapi cabaran-cabaran dan masalah-masalah itu dengan gemilang dan berjaya, sehinggalah berlakunya peristiwa 13hb Mei yang telah menggelapkan suasana negara buat beberapa waktu. Tetapi keadaan yang membimbangkan itu telah pulih seperti sedia kala. Kejadian itu patutlah kita jadikan tauladan dan panduan dalam pergerakan politik kita di masa hadapan. Kejadian itu juga membuktikan bahawa kita tidak boleh mengeneipkan sejarah perkembangan politik dan Perlembagaan negara kita semata-mata kerana hendak menegakkan kepentingan politik perkauman, kerana pada akhirnya api perkauman akan membakar kita sendiri.

Kejadian itu juga telah membuktikan jika kita kurang bertanggungjawab dengan proses demokrasi, maka proses itu sendiri akan menjahanamkan kita dan menghancurkan leburkan negara. Oleh yang demikian, apabila proses demokrasi ini dipulehkan semula kita semua hendaklah menggunakannya dengan lebih berwaspada dan bertanggungjawab. Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menyelamatkan sistem demokrasi kita dengan cara mengharamkan beberapa perkara yang berbau perkauman dan sensitif dari dijadikan permainan oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab atas nama demokrasi. Saya tidak bercadang hendak bercakap panjang tentang soal ini kerana saya telah bercakap dengan panjang lebar semasa membuka Persidangan UMNO baru-baru ini, tambahan pula saya fikir saudara-saudara sekalian telahpun membaca segala-segalanya.

Tetapi saya suka mengingatkan saudara-saudara sekalian, dan juga seluruh rakyat jelata bahawa negara kita masih muda, dan sistem demokrasi juga masih muda lagi. Dengan demikian kita tidak boleh mengamalkan proses-proses demokrasi seperti rakyat-rakyat di negara-negara yang maju seperti di Britain, Sweden atau Amerika Syarikat mengamalkannya. Kita mestilah memahami latar belakang perkembangan demokrasi di negara-negara tersebut.

Negara-negara yang maju, seperti yang saya sebutkan di atas tadi, pada permulaan pembangunan mereka telah memberatkan kepada pembangunan ekonomi yang kukuh, serta stabil, sebelum mereka mengamalkan sistem demokrasi dengan sepenuhnya. Umpamanya, sebelum mereka meluaskan hak-hak mengundi kepada rakyat mereka, mereka telah mengambil masa di antara 100 hingga ke 150 tahun untuk membangunkan ekonomi mereka dengan bermacam-macam cara, dan hanya selepas mereka dapat menentukan bahawa ekonomi mereka mulai berkembang dengan teguh barulah mereka mengamalkan sistem demokrasi. Dan apabila mereka telah sampai ke peringkat apa yang kita namakan 'full democracy', mereka telah mencapai kesetabilan dan kemajuan yang pesat di bidang perkembangan ekonomi mereka.

Di negara kita, proses ini tidak berjalan seperti yang terdapat di negara-negara yang maju ini. Apabila kita mencapai kemerdekaan, kita telah mengamalkan sistem demokrasi dengan sepenuhnya, tetapi keadaan ekonomi kita masih belum teguh dan dengan tercapainya kemerdekaan pula, expectations dari rakyat jelata telah berlipat ganda. Maka oleh kerana kita tidak dapat memenuhi expectations ini, timbulah masalah-masalah sosial, kepincangan ekonomi dan lain-lain. Kita tidak mempunyai jalan lain, selain dari mempesatkan kemajuan ekonomi negara kita. Kita hendak mencapai kemajuan ekonomi dalam masa tiga puluh hingga lima puluh tahun dengan berlatarkan sistem demokrasi, sedang matlamat yang hendak kita tujui ini telah dicapai oleh negara-negara Barat dalam masa lebih dari 100 tahun dan itu pun tanpa proses demokrasi. Oleh yang demikian rakyat jelata sekalian mestilah mempunyai sikap yang benar-benar bertanggung-jawab dan berpandangan jauh jika mereka mahukan negara kita bukan sahaja mencapai kemajuan ekonomi yang tinggi tetapi juga memelihara sistem demokrasi yang kita semua sayang dan junjung tinggi itu.

Bersabit dengan ini, saya minta saudara-saudara sekalian memahami tujuan-tujuan kerajaan meminda beberapa fasal di dalam Perlembagaan kita, dan saya percaya saudara-saudara akan memberi sokongan tegas saudara-saudara demi kepentingan masa depan kita semua. Kita mestilah sanggup dan bersedia untuk mengambil langkah-langkah yang tegas untuk menentang dan menghancurkan anasir-anasir yang sentiasa mengancam sistem ini dengan menggunakan sistem ini sendiri.

Sebagaimana saya katakan tadi, apabila kita mencapai kemerdekaan, kita telah menganuti sistem demokrasi yang penuh tetapi di dalam suasana ekonomi yang belum seimbang. Akibatnya kita telah mendapati satu keadaan di mana sejumlah besar daripada penduduk-penduduk negara kita terutama sekali rakyat luar bandar berada dalam keadaan mundur dan miskin. Kedudukan ini telah diburukkan dengan keadaan di mana mereka adalah terhad kepada pekerjaan-pekerjaan yang berkaitan dengan pertanian semata-mata. Tentu sekali keadaan ini tidak harus dibiarkan berterusan kerana ianya akan menimbulkan konflik dan menghancurkan negara.

Kerajaan yang baru saya pimpin ini berazam hendak membetulkan keadaan ini dan membawa kemakmuran dan kemajuan ekonomi yang lebih pesat lagi. Saya telahpun mengumumkan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dan saya percaya saudara-saudara sekalian telahpun maklum dan memahaminya. Walaupun demikian, saya suka menegaskan di sini sekali lagi bahawa Dasar Ekonomi Baru mempunyai dua matlamat utama. Yang pertama ialah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira bangsa dan keduanya mencapai perpaduan negara dengan cara mengimbangkan kedudukan ekonomi negara. Kedua-dua objektif ini mestilah dijalankan dengan serentak kerana kedua-dua ini merupakan tiang yang kukuh bagi kita membina di atasnya masyarakat dan negara Malaysia yang kita ingini.

Saya ingin berterus terang di sini, bahawa perpaduan negara tidak akan wujud sekiranya kedudukan ekonomi yang tidak seimbang di kalangan rakyat berbagai kaum tidak diatasi dan kemajuan serta kemakmuran negara tidak dinikmati dengan lebih adil dan saksama. Dari itu, perlulah bagi Kerajaan, yang menerima amanat dari rakyat jelata, menjalankan rancangan-rancangan yang telah disusun supaya matlamat-matlamat yang saya sebutkan di atas tadi dicapai dengan seberapa segera.

Sebagaimana yang sama-sama kita maklum, bagi bangsa yang membangun seperti kita ini, pelajaran adalah salah satu usaha pelaburan atau investment yang amat penting untuk menjamin ketahanan negara. Dasar pelajaran negara adalah menjadi ukuran bagi kesediaan kita serta kemampuan kita untuk menghadapi cabaran-cabaran hari depan. Dalam melaksanakan dasar pelajaran ini, kita akan sentiasa menjaga standard pendidikan

yang diberikan kepada anak-anak kita adalah sesuai dan seimbang dengan tuntutan hendak melengkapkan mereka sebagai tenaga tulang belakang negara di masa akan datang.

Kita akan senantiasa berjalan sejajar dengan perkembangan pelajaran moden dan menjamin bahawa kepentingan serta kehendak-kehendak ekonomi, sosial, politik dan teknologi negeri ini yang senantiasa berubah akan dipenuhi di bawah sistem pelajaran kita. Bagi memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan ini kita akan memberi kemudahan-kemudahan yang lebih luas dalam semua bidang, terutama vokesyenal dan teknikal. Dasar pelajaran kebangsaan yang telah kita tetapkan dan dipersetujui oleh semua pihak itu akan terus dijalankan dengan tegasnya. Kita juga telah berjaya memberikan satu keperibadian yang sama kepada negara dengan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi yang tunggal di negara ini dan usaha-usaha masih lagi dicari bagi menjadikan bahasa itu sebagai bahasa kebangsaan dengan erti kata yang sebenarnya.

Saya suka menegaskan di sini bagi memenuhi kehendak-kehendak pendidekan kebangsaan seluruhnya, kita akan berbuat segala apa yang difikirkan perlu bukan hanya dari segi meninggikan standard mata pelajaran yang penting bahkan kita akan menentukan pula supaya pada tingkatan post-secondary dan universiti, anak-anak Melayu dan Bumiputra yang lain dijamin mendapat peluang yang lebih banyak dari masa-masa lalu supaya kedudukan yang tidak seimbang sekarang ini dapat diperbaiki. Rancangan ini adalah terkandung dalam pindaan Perlembagaan yang telah diterangkan dalam Kertas Puteh yang saya sebutkan tadi.

Di samping itu, untuk memenuhi keperluan-keperluan tenaga di dalam bidang ekonomi, kita akan melibatkan private sector dalam rancangan pendidekan supaya membuka dan memberikan peluang yang lebih luas kepada belia-belie kita mendapat latihan-latihan kemahiran dan dengan demikian melengkapkan mereka dengan pengetahuan serta kepandaian dalam bidang-bidang yang tertentu. Ini akan dapat mengatasi masalah pengangguran di kalangan belia-belie kita amnya.

Saudara-saudara sekalian: Sebagaimana pernah saya katakan kita memang mengakui kelemahan-kelemahan kita dan mengenali

kelemahan-kelemahan yang kita dapati dalam sistem Kerajaan dan parti kita. Oleh itu, saya rasa amat perlu bagi saya menegaskan di sini tentang keperluan kita bukan sahaja memperbaiki perjalanan parti kita tetapi juga jentera-jentera Kerajaan. Masanya telah tiba bagi kita mengambil langkah-langkah yang tegas dan sewajarnya ke atas jentera-jentera Kerajaan, tegasnya supaya pegawai-pegawai Kerajaan kita mempunyai cara pemikiran baru di mana kelemahan dan kelalaian tidak lagi boleh dibiarkan dan memerlukan pembaikan supaya dapat berkhidmat dengan lebih sempurna kepada rakyat dan negara. Cuma dengan cara ini sahaja baru kita boleh meyakinkan rakyat bahawa jentera pentadbiran Kerajaan adalah disesuaikan dengan semangat baru, untuk berkhidmat kerana pembangunan negara.

Dalam lawatan-lawatan saya ke beberapa negeri baru-baru ini, saya telah mendapat peluang bertukar-tukar fikiran dengan pemimpin-pemimpin parti kita khususnya mengenai hubungan antara Kerajaan dengan rakyat. Saya telah menegaskan perlunya pegawai-pegawai Kerajaan dan juga pemimpin-pemimpin tinggi parti memberikan layanan yang baik serta memahami hasrat rakyat yang menghendaki pembaikan terhadap kehidupan mereka sehari-hari, serta juga kemajuan-kemajuan yang sewajarnya di kampung-kampung dan di tempat-tempat masing-masing.

Saya percaya pegawai-pegawai kita dan juga pemimpin-pemimpin parti amnya akan menjalankan tugas-tugas serta kewajipan-kewajipan mereka dengan lebih sempurna dan diharapkan hasil dari usaha-usaha yang dijalankan ini akan mendatangkan kebajikan dan kesempurnaan seperti yang dikehendaki oleh rakyat negara kita amnya.

Saudara-saudara sekalian: Di dalam perhubungan kita dengan negara-negara luar, kita mestilah menunjukkan sikap yang bebas, sikap sehaluan dengan masa dan keadaan mengikut kepentingan kita sebagai sebuah bangsa yang merdeka dan berdaulat dan sedang membangun. Kita mesti menunjukkan corak atau identity kita yang tegas dan keyakinan yang penuh untuk berdiri di atas kaki kita sendiri. Kita mestilah faham bahawa memelihara kedaulatan dan keselamatan negara kita adalah tanggungjawab kita sendiri dan kita mestilah berani dan tegas memikul tanggungjawab ini. Begitu juga, kita mestilah memberi sumbangan yang tegas bagi

memelihara keamanan dan ketenteraman dan kerjasama dalam segala bidang di Wilayah Tenggara Asia khususnya dan seluruh dunia amnya.

Kita mestilah percaya dan menganut kepada dasar kerjasama dan persahabatan dengan semua negara tidak kira apa corak dan bentuk atau sistem politik negara itu dan dasar tidak campur tangan dalam hal-hal dalam negeri negara-negara tersebut. Ini adalah dasar non-alignment atau principle of peaceful co-existence serta saling hormat menghormati terhadap kedaulatan negara masing-masing.

Begitu juga mustahak kita mengukuhkan lagi kerjasama di Wilayah Tenggara Asia dalam semua lapangan supaya masyarakat negara-negara di Wilayah ini bertambah kuat dan tidak terpengaruh oleh kuasa-kuasa besar demi kepentingan mereka sendiri.

Malaysia mempunyai nama yang baik dan harum di sisi negara-negara non-aligned dan negara-negara di Timor Tengah disebabkan oleh dasar luar negeri kita yang tegas dan bebas dan yang tidak menyebelahi mana-mana pihak. Menurut dasar inilah kita harap kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Russia dan China akan memberi jaminan bahawa wilayah Tenggara Asia ini akan dapat menjadi kawasan "Berkecuali" atau menjadi "Neutralized Zone" bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman negara-negara di rantau ini.

Saudara-saudara sekalian: Kita mestilah sedar di dalam tahun-tahun tujuh puluhan ini kebanyakan daripada penyokong-penyokong kita adalah mereka yang masih berumur kurang dari sepuluh tahun semasa kita mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957 dahulu. Mereka ini mempunyai pendirian yang berbeza sama sekali dengan pendapat dan pendirian orang-orang tua mereka. Mereka bukan saja mempunyai pelajaran tinggi tetapi tahu tentang perkembangan-perkembangan dalam negara dan meneliti jalan-jalan yang baik yang patut diikuti oleh sesebuah negara. Dengan sikap itu, mereka berani mengeritik kita dan sebagai sebuah parti yang bertanggungjawab tidaklah harus kita mengeneipkan pandangan-pandangan dan kritik-kritik ini. Sebaliknya pula, kita mestilah menerima dan menggunakan pandangan-pandangan dan kritik-kritik itu bagi meneguhkan dan melicinkan perjalanan parti

kita. Jika kita terus mengenyahkan penyokong-penyokong muda ini, kita tidak akan dapat memperkuat tenaga dan pengaruhnya.

Dengan demikian, dasar-dasar kita yang saya katakan tadi, di samping meluaskan lapangan pekerjaan dan harapan-harapan bagi tiap-tiap warga negara kita, mestilah juga meluaskan pandangan kita untuk memenuhi cita-cita dan harapan mereka. Kita mestilah menggalakkan kaum muda dan cerdik pandai menyokong kita kerana mereka boleh memenuhi kehendak-kehendak masyarakat kita di semua peringkat yang sentiasa menghadapi perubahan. Sifat-sifat resah dan gelisah yang timbul di kalangan kaum muda kita ini memanglah sifat-sifat semula jadi dan adalah menjadi tanggungjawab utama kita untuk memberi pimpinan kita di dalam membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu dan teguh.

Saudara-saudara: Saya telah terangkan dengan ringkas dasar dan garis-garis panduan bagi Kerajaan serta parti kita untuk dua tiga tahun yang akan datang. Begitu juga saya telah menerangkan betapa mustahaknya kita mengambil sikap dan mengadakan wajah atau image yang baru untuk disesuaikan dengan kehendak-kehendak dan masa. Saya juga telah terangkan betapa mustahaknya jentera parti yang mendukung Kerajaan berjalan seimbang dengan jentera Kerajaan. Kekuatan Kerajaan bergantung pada kekuatan parti. Oleh itu, saya berseru kepada saudara-saudara semua supaya menumpukan sepenuh taat setia kepada parti kita dan bersungguh-sungguh bekerja menguatkan parti dan melicinkan jenteranya. Saya percaya saudara-saudara semua akan membaharui azam untuk memperkuat parti menyesuaikan kedudukan dan perjalanan parti dengan masa dan kehendak zaman dan menumpukan semua tenaga tua dan muda untuk membolehkan kita menghadapi masa depan yang penuh dengan cabaran dan dugaan.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada saudara-saudara sekalian di atas sokongan dan taat setia yang saudara-saudara telah tunjukkan kepada pucuk pimpinan parti kita khususnya pada diri saya sendiri. Saya yakin dan percaya dengan izin Tuhan Parti kita akan bertambah kuat dan semakin luas pengaruhnya pada masa yang akan datang.

Begitu juga, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada saudara-saudara kerana dapat hadir dalam Seminar yang penting ini. Saya berdoa kehadiran Tuhan moga-moga kita semua dipelihara dan dilindungiNya dan moga-moga dipertunjukkan kepada kita jalan yang jujur dan ikhlas untuk kita sama-sama berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Sekianlah sahaja, saya sudahi dengan selamat berjaya dan **MERDEKA.**